



Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

(Murid-murid boleh merujuk buku teks muka surat 51)

1. Imran, [**usah** / **sila**] _____ pilih saiz jaket yang sesuai dengan saiz badan.
2. [**Jangan** / **Sila**] _____ pakai yang terlalu besar. Nanti, mudah tertanggal jika terjatuh di dalam air.
3. Baiklah. [**Usah** / **Harap**] _____ ayah risau. Ibu telah memilihkan Imran jaket tersebut.



4. Selamat datang dan [harap / sila] _____ masuk, encik.

5. Terima kasih. Imran, [harap / jemput] _____ melangkah dengan berhati-hati kerana jeti dan bot ini terolang-alang.

Baiklah, ayah.



Setelah menaiki bot selama 45 minit, Imran dan keluarganya tiba di Pulau Sibu, Mersing, Johor. Mereka bersnorkel untuk melihat batu karang.

6. Imran, mari kita bersnorkel. _____ lupa pakai goggles dan jaket keselamatan.

Mengapakah kita perlu memakai jaket keselamatan. Abang?

Jaket keselamatan ini untuk mengapungkan penyelam agar penyelam berasa tenang di dalam air.

7. Ibu _____ Imran mendengar nasihat abang itu.

Bolehkah saya mengambil batu karang ini?

8. Adik, _____ letak batu karang itu semula. _____ sesekali mengambilnya, walaupun yang telah mati. Kita perlu menjaga alam sekitar. Lagipun batu karang itu tajam dan berbahaya.